

27 OCT 2001

MENTERI LUAR IRAN AKAN SINGGAH DI KL

KUALA LUMPUR, 27 Okt (Bernama) -- Menteri Luar Iran, Kamal Kharrazi, akan singgah di Kuala Lumpur selama sehari pada Selasa dalam lawatan beliau ke rantau untuk mengadakan rundingan berhubung serangan Amerika Syarikat terhadap Afghanistan.

Dalam satu kenyataan hari ini, Wisma Putra berkata selain daripada isu Afghanistan dan keganasan, Dr Kamal juga akan mengadakan perbincangan bersama rakan sejawatannya di Malaysia Datuk Seri Syed Hamid Albar untuk memperkukuhkan lagi hubungan akrab bersama Malaysia.

Beliau juga akan mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Speaker Dewan Rakyat Tun Mohd Zahir Ismail.

Wisma Putra berkata Malaysia dan Iran menyuarakan dengan lantang sokongan mereka bagi perjuangan Palestin dan kedua-dua negara telah mengecam serangan penganas di Amerika Syarikat.

Kedua-dua negara berpendapat Amerika dan United Kingdom harus menghentikan dengan segera serangan udara terhadap Afghanistan yang menyebabkan ramai orang terkorban dan ia tidak akan menyelesaikan isu penganas.

-- BERNAMA

MFJ MFJ PR